

Kempen Jom Bayar Yuran UMSKAL kembali lagi

LABUAN: Kempen Jom Bayar Yuran anjuran Bahagian Kewangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) kembali lagi pada 14 – 16 Oktober ini.

Menurut Penolong Bendahari Saini Mohilap berkata, kempen yang diadakan di ruang legar Bangunan Menara UMSKAL itu mensasarkan pelajar Tahun Satu, Dua dan Tiga universiti tersebut.

Katanya, kempen itu bertujuan untuk

memudahkan pelajar yang tidak mendapat pinjaman daripada mana-mana agensi membayar yuran dalam pengajian mereka.

Beliau yang mewakili Penolong Bendahari Kanan Mohd Nazir Ab Manan berkata, kempen tiga hari itu juga mahu membantu pelajar mendapatkan khidmat nasihat mengenai kewangan seperti mengemaskini maklumat peribadi dalam sistem maklumat pelajar (SMP).

“Kempen Jom Bayar Yuran merupakan tempat pelajar yang tiada pinjaman

atau yang membayar yuran menggunakan wang sendiri untuk membayar yuran pengajian mereka selain mendapatkan khidmat nasihat mengenai kewangan, “ katanya ditemui, kelmarin.

Saini berharap pelajar akan merebut ruang dan peluang itu untuk membayar yuran dan mengajukan masalah berkaitan kewangan kepada pegawai dan kakitangan Bahagian Bendahari yang bertugas di kaunter tersebut.

Katanya, Bahagian Bendahari juga boleh

membantu pelajar yang menghadapi masalah kewangan dengan memberikankhidmatnasihat dan pandangan serta saluran yang sesuai.

Tambahnya, pelajar wajib membayar yuran pengajian mereka dua minggu sebelum peperiksaan akhir dijalankan.

SAINI (tiga kanan) melayan pelajar yang membayar yuran sempena Kempen Jom Bayar Yuran di UMS Kampus Antarabangsa Labuan, kelmarin.

